

Naik pangkat ikut prinsip merit: KSN

Oleh Shamsul Azree Samshjr

PUTRAJAYA: Kenaikan pangkat kakitangan awam kini dibuat berteraskan prinsip merit dan tidak lagi bergantung kepada faktor kekananan atau senioriti semata-mata, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hasan.

Katanya, pertimbangan kenaikan pangkat penjawat awam yang diamalkan sebelum ini termaktub dalam Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan dan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

"Dalam hal ini, merit seseorang pegawai dinilai melalui prestasi me-

laksanakan tanggungjawab diamanahkan. Kakitangan awam hendaklah sentiasa berusaha memberi perkhidmatan paling baik menggunakan kemampuan dimilikinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Felo Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2006 dan Penyampaian Diploma Intan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang juga bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad yang berkhidmat 32 tahun dalam kerajaan, diumumkan penerima Anugerah Felo Intan 2006. Pada majlis sama, 708 graduan menerima Diploma Pengurusan Awam.